Balakrishnan a/l Sinnappan & Anor v Mariammah a/p Ganapragasm dan Wakil Peribadi Anthonysamy a/l Atputham

HIGH COURT (IPOH) — CIVIL APPEAL NO 12–94 OF 2002
VT SINGHAM J
18 APRIL 2006

Civil Procedure — Appeal — Fact, findings of — Interference by appellate court — Apportionment of liability in road accident case — Appellate court's function — Whether there are errors of principle in course of making findings of fact — Principles to be applied

Damages (Personal Injury or Death) — Fatal accident — Dependency claim — Apportionment of liability — Findings of Sessions Court Judge — Whether appellate court may interfere — Civil Law Act 1956 s 7(3) — Whether trial judge has erred in making award

Tort — Negligence — Road accident — Apportionment of liability — Session Court found whether decision of Sessions Court Judge can be justified and sustained respondent 100% liable — Whether Session Court Judge — Whether trial court has misdirected itself — Whether there is fundamental misdirection such that no reasonable court would have arrived at the same conclusion

Pada 21 Disember 1996 lebih kurang jam 3.00 petang m/van yang dipandu oleh Anthonysamy a/l Atputham ('si mati pertama') menuju dari arah Taiping menghala ke Pantai Remis. Dalam m/van tersebut ada seorang penumpang bernama V Kaniama ('si mati kedua'). Si mati pertama yang memandu m/van tersebut memotong dua buah kenderaan di hadapannya yang juga menuju ke arah Pantai Remis, bergerak ke jalan bertentangan dan melanggar pada m/traktor yang terletak di sebelah kanan di mana bahagian kiri m/traktor berada di atas jalan dan sebahagian lagi di sebelah kanan berada di tepi bahu jalan menghala ke Pantai Remis. Dalam perbicaraan di mahkamah sesyen, seorang saksi bebas iaitu pemandu m/bas, Abd Samad bin Abu Hashim yang menjadi saksi bagi kes plaintif-plaintif memberi keterangan bahawa beliau memandu m/bas tersebut dari arah Pantai Remis menghala ke Taiping. Pada masa itu, beliau memandu m/bas tersebut dari arah bertentangan dengan m/van tersebut di mana beliau melihat m/van tersebut memotong dua buah kenderaan dalam keadaan laju menceroboh jalan beliau di mana beliau terpaksa berhenti m/bas tersebut untuk memberi laluan kepada m/van tersebut dan pada masa itu beliau lihat m/van tersebut melanggar m/traktor tersebut yang diletak di tepi jalan. Keluarga si mati pertama menuduh pemandu m/traktor tersebut adalah cuai kerana m/traktor tersebut telah menghalang laluan si mati di mana keseluruhan m/traktor tersebut diletak di atas jalan. Selepas perbicaraan penuh didengar oleh empat orang hakim mahkamah sesyen yang berlainan yang telah mengambil alih kes

ini dalam tempoh perbicaraan, hakim mahkamah sesyen yang keempat mendapati pemandu m/traktor 100% cuai terhadap kemalangan tersebut di mana ia menyebabkan kematian kedua orang si mati. Si mati pertama yang memandu m/van tersebut adalah bebas daripada sebarang liabiliti atau kecuaian. Ini adalah rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut:

(1) Pendapat hakim mahkamah sesyen bukanlah satu keadaan di mana keputusan dibuat berdasarkan mendengar dan menyaksikan kesemua saksi-saksi memberi keterangan di mana Mahkamah Tinggi yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan tidak ada peluang seperti mahkamah perbicaraan dan kebiasaannya tidak masuk campur terhadap keputusan tersebut (lihat perenggan 13). Prinsip bahawa Mahkamah rayuan harus berhati-hati dan tidak menggangu pendapat fakta mahkamah perbicaraan yang mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan tidak dipakai kerana keterangan saksi-saksi didengar oleh empat hakim mahkamah sesyen yang berlainan di mana hakim mahkamah sesyen yang memberi keputusan mendengar dan melihat hanya dua orang saksi yang memberi keterangan (lihat perenggan 15).

(2) Prinsip undang-undang bahawa Mahkamah Rayuan seharusnya berhati-hati untuk masuk campur ke atas pendapat fakta oleh mahkamah perbicaraan di mana telah mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan tidak boleh diambil atau diterima sebagai 'stereotyped formula' kerana setiap rayuan adalah berdasarkan kepada fakta bersendirian dan individu atau 'misdirection atau non-direction' oleh mahkamah perbicaraan dan meneliti di atas satu kes ke satu kes (lihat perenggan 16). Oleh itu, dan di atas keadaan dan fakta dalam rayuan ini, Mahkamah Tinggi yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan berhak untuk masuk campur terhadap pendapat hakim mahkamah sesyen keempat yang memberi keputusan, sekiranya Mahkamah Tinggi mendapati pendapat keputusan itu adalah bertentangan dengan berat keterangan atau 'fundamentally flawed' atau terdapat kesilapan dari segi undang-undang atau fakta dan tidak dapat dikekalkan di atas fakta-fakta kes (lihat perenggan 17).

(3) Punca utama bagi kemalangan di rayuan ini adalah disebabkan pemanduan secara berbahaya oleh si mati pertama dan kurang bertanggungjawab (lihat perenggan 19). Mana-mana pemandu yang memandu dengan tidak berhati-hati, mewujudkan dan menghadapi situasi merbahaya dengan sendirinya seperti dalam rayuan ini tidak boleh menyalahkan sesiapa kecuali dirinya sendiri. Dalam kes ini, si mati pertama sepatutnya mencuba untuk serta merta memperlahankan kelajuan dan mengawal kenderaan sebaik sahaja beliau melihat m/traktor tersebut dan tidak mengambil satu risiko yang besar seperti yang dilakukan oleh si mati pertama di mana beliau memotong dua buah kenderaan di hadapannya dalam keadaan laju di mana keadaan pada masa itu adalah tidak selamat dan ada kemungkinan beliau dapat melihat m/traktor tersebut yang diletakkan di sebelah kanan di tepi jalan sekiranya si mati pertama memandu dalam keadaan berhati-hati dan cermat (lihat perenggan 20).

(4) Di atas keterangan yang direkodkan di rekod rayuan, didapati si mati pertama telah memandu dalam keadaan laju dan tidak berhati-hati dan gagal mengambilkira keselamatan penumpang dalam m/van tersebut, dan gagal memberi perhatian kepada keadaan dan kenderaan lain di jalan raya pada masa beliau memotong kedua-dua kenderaan di hadapannya. Dalam kemalangan ini, perkara yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan oleh mahkamah adalah kes ini bukan satu keadaan di mana si mati pertama dikejutkan dengan satu kecemasan yang tiba-tiba atau satu kecemasan yang disebabkan oleh pihak-pihak lain iaitu pemandu m/traktor tersebut, tetapi suatu kecemasan tiba-tiba ditimbulkan dan disebabkan oleh si mati pertama sendiri (lihat perenggan 22).

(5) Hakim mahkamah sesyen keempat bukan sahaja tersilap di atas pendapat beliau tetapi alasan yang diberi oleh beliau juga tidak memuaskan dan tidak berasas dari segi undang-undang di mana perayu kedua telah didapati 100% bertanggungjawab (lihat perenggan 27). Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tidak membuat penemuan atas fakta-fakta dan keterangan penting yang dikemukakan di hadapan mahkamah dengan sewajarnya dan gagal menimbang keterangan-keterangannya dengan mencukupi dan secara kehakiman. Keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tidak dibuat berdasarkan keterangan-keterangan atau di atas kehakiman yang dihargai tetapi semata-mata atas spekulasi dan tanpa apa-apa asas dari segi undang-undang atau fakta (lihat perenggan 38).

(6) Perayu kedua yang meletak m/traktor tersebut di tepi jalan di sebelah kanan tidak semestinya melakukan kecuaian yang boleh diterima semata-mata sebagai satu kecuaian tanpa meneliti keterangan keseluruhan melainkan mungkin terdapat satu kemungkiran di bawah Kaedah 12 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959 di mana setiap kes dipertimbangkan di atas fakta dan keadaan kes individu. Mahkamah Tinggi atau mahkamah perbicaraan tidak boleh memberi sebarang keputusan berdasarkan perasaan simpati kepada keluarga si mati pertama yang membuat tuntutan ini dalam tuntutan kecuaian atau mengambil kira bahawa penghakiman akan dibayar atau ditanggung oleh pihak insuran tetapi berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh seorang penuntut dan boleh diterima dari segi undang-undang pada tahap imbangan kebarangkalian (lihat perenggan 39).

(7) Mahkamah Tinggi atau mahkamah perbicaraan tidak boleh memberi sebarang keputusan berdasarkan perasaan simpati kepada keluarga si mati pertama yang membuat tuntutan ini dalam tuntutan kecuaian atau mengambil kira bahawa penghakiman akan dibayar atau ditanggung oleh pihak insuran tetapi berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh seorang penuntut dan boleh diterima dari segi undang-undang pada tahap imbangan kebarangkalian (lihat perenggan 39).

(8) Walaupun penghakiman terhadap perayu kedua mungkin dibayar atau ditanggung oleh Syarikat Insuran m/traktor tersebut di mana sekiranya terdapat Polisi Insuran Motor yang telah dikeluarkan untuk melindungi sebarang risiko pihak ketiga, keputusan mahkamah perbicaraan sepatutnya dan harus dibuat berdasarkan kepada keterangan dan bukan di atas prinsip moral di mana ia mungkin akan mengelabukan kehakiman-kehakiman dan

alasan-alasan kehakiman kerana isu liabiliti masih wujud dan harus diputuskan oleh mahkamah secara kehakiman (lihat perenggan 41).

(9) Mahkamah Tinggi membahagi liabiliti 75% terhadap si mati pertama dan 25% terhadap perayu kedua (lihat perenggan 43).

(10) Tanggungan si mati pertama berhak hanya untuk kerugian wang seperti yang diperuntukkan di bawah s 7(3) Akta Sivil 1956 ('Akta tersebut') dan tidak lebih atau mendapat keuntungan. Soalan berapakah tuntutan tanggungan bukan satu isu undang-undang tetapi satu isu fakta dan budibicara dan ini sepatutnya diputuskan berdasarkan keterangan yang kukuh dan bukan di atas perasaan kasihan (lihat perenggan 44). Dalam rayuan ini, sumbangan yang diberi oleh si mati pertama kepada responden-responden masih diterima dari hasil perniagaan si mati pertama seperti yang disumbang oleh si mati pertama sebelum kematian si mati pertama dan digunapakai untuk tanggungan si mati pertama di mana pendapatan yang diterima sekarang bukan di atas pekerjaan atau perkhidmatan isteri ke atas perniagaan tersebut. Pendapatan tersebut sekarang boleh diambil kira dan tidak dihalang di bawah peruntukan s 7(3)(i) Akta tersebut untuk taksiran kerugian tanggungan (lihat perenggan 45).

(11) Sebarang ganti rugi yang diawardkan tidak boleh dibuat berdasarkan kepada perasaan sentimen atau perasaan kasihan kepada keluarga si mati dan award bagi ganti rugi hanya boleh dibuat untuk kerugian yang sebenarnya di mana keluarga si mati pertama telah sebenarnya dinafikan dan bukan di atas andaian kepada kerugian. Taksiran ganti rugi bagi tanggungan yang diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah berdasarkan kepada amaun kiraan yang salah di mana adalah satu misdirection di mana beliau menerima semata-mata cadangan peguam-peguam yang dibuat dalam penghujahan tanpa sebarang fikiran kehakiman dan ini telah menyebabkan satu kesilapan di atas fakta dan undang-undang (lihat perenggan 50).

[English summary

On 21 December 1996 at about 3pm, a van driven by Anthonysamy a/l Atputham ('first deceased') was heading towards Pantai Remis from Taiping. There was a woman named V. Kaniama ('second deceased') in the van. The first deceased who was driving the said van overtook two vehicles in front of him which were also heading towards Pantai Remis, moved into the opposite lane and crashed onto a tractor which was parked on the road with the left side on the road and the right side on the curb of the road heading towards Pantai Remis. During the trial in the session court, a bus driver, Abd Samad bin Abu Hashim, who was an independent witness for the plaintiffs' case gave evidence that he was driving his bus from Pantai Remis heading heading towards Taiping. At the material time, he was driving the bus in the opposite direction from the van and he saw the van overtaking the two vehicles in a high speed and moved into his path. Because of this, he had to stop his bus to make way for the van and at that time, he saw the van crashed into the tractor which was parked on the road. The family of the first deceased alleged that the driver of the tractor was negligent as the tractor was blocking the path of the deceased since it was parked on the road. After the full trial before four different session court judges who took over the case during the course of the trial, the fourth session court judge found that the

A driver of the tractor was 100% negligent in the said accident and which had caused the death of the second deceased. The first deceased who was driving the van was free from any liabilities or negligence. This appeal is against the decision of the session court judge.

B

Held, allowing the appeal:

(1) The finding of the session court judge is not a situation where the finding were made based on listening to and seeing all witnesses giving the evidence where the High Court sitting as an appellate court does not have the opportunity as C the trial court and normally cannot interfere with the said finding. The principle that the appellate court has to be cautious and cannot interfere with the fact finding of the trial court who had heard and seen the witnesses giving evidence is not applicable as the evidence of the witnesses were heard by four different session court judges and the session court judge who made the D finding heard and saw only two of the witnesses giving evidence (see para 15).

(2) The principle of law that the appellate court has to be cautious to interfere with the fact finding of a trial court where it had listened and saw the witnesses giving evidence cannot be taken or accepted as 'stereotyped formula' as each appeal is based on different and personalised facts, or 'misdirection or E non-direction' by a trial court and differs from one case to another (see para 16). Therefore and premised on the situation and facts of this appeal, the high court sitting as an appellate court is entitled to interfere with the finding of the fourth session court judge who gave the decision, if the High Court found that the said finding is contrary to weight of evidence or is 'fundamentally flawed' or there is an error in law or fact and it cannot be held F based on the facts of the case (see para 17).

(3) The main reason for the accident in this appeal is due to dangerous driving by the first deceased and his irresponsibility (see para 19). Any driver who drives without due care would create and be faced with dangerous situation as in this appeal and he could not be blamed except himself. In this case, the first G deceased should have tried to immediately reduce his speed and control his vehicle the moment he saw the tractor and did not take a huge risk of overtaking two vehicles in front of him in such high speed and in such unsafe situation and there was a possiblity that he could have seen the tractor parked on the right side of road if he was driving with due care and attention H (see para 20).

(4) In the evidence recorded in the appeal records, the first deceased was found driving in such high speed and was not careful and failed to consider the safety of fellow passenger in the van and give due consideration to the situation and other vehicles on the road when he was overtaking the two vehicles in front of I him. In this accident, what should be considered by the court is this case is not a situation where the first deceased was surprised by a sudden emergency or an emergency caused by third parties eg the driver of the tractor, but an emergency caused by the first deceased himself (see para 22).

(5) The fourth session court judge not only made an error in his finding but the grounds given by him were not saisfactory and were not based in law where the second appellant was found 100% liable (see para 27). The learned session court judge did not make a finding on facts and important evidence adduced to the court and failed to consider the evidence with due judicial consideration. The decision of the learned session court judge was not based on the evidence or on the judicial consideration but was merely on speculation and without basis in law or in facts.

(6) The second appellant who parked his tractor on the right side of the road cannot be said acted negligently without examining the whole evidence except if there was an offence under Rules 12 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959 where each case had to be considered on the facts and circumstances of each indivuidual case (see para 39).

(7) The High Court or the trial court cannot give any decision based on sympathy for the family of the first deceased who made this claim in a negligence claim or consider that the judgement will be paid or borne by the insurance but be based on the evidence adduced by the claimant and accepted in law on the balance of probabilities (see para 39).

(8) Even if the judgment against the second appeallant may be paid or borne by the insurance company of the said tractor which may cover a thrid party risk, the decision of the court in a trial should and ought be made based on the evidence and not on moral principles which may cloud the judgement and the grounds for the decision as the issue of liability still exist and have to be deceide by the court judicially (see para 41).

(9) The High Court apportion 75% liabiliti agianst the first deceased and 25% against the second appellant (see para 43).

(10) The dependants of the first deceased were only entitled to the monetary damages as provided under s 7(3) Civil Law Act 1956 ('The Act') and nothing more or for profit. The question of quantum for the claim of the dependant was not an issue in law but is a question of fact and discretion and this ought to be decided based on concrete evidence and not on compassionate feelings (see para 44). In this appeal, the contribution of the first deceased to the respondents could still be derived from the proceeds of the first deceased's business as when he was alive and be used by the dependants of the first deceased as this income was not from an employment or services of the wife to the business. The income can be considered and was not restricted under s 7(3)(i) of the Act for the assessment of loss of dependant (see para 45).

(11) Any damages awarded cannot be made based on sentiments or compassionate feelings towards the family of the deceased and it can only be made for the actual loss that the family of the first deceased was denied and not based on the assumption of loss. The assessment of damages for the dependant awarded by the session court judge was based on the wrong calculation amount and it was a misdirection as he accepted the suggestion of the counsels without any judicial consideration and it is an error in fact and in law (see para 50).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penemuan fakta, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan—perenggan 812–902.

Untuk kes-kes mengenai bayaran ganti rugi, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan-perenggan 215–217.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Malek bin Hassan lwn Mohammad Hihwan bin Masturi & Anor [1987] 1 MLJ 489 (dirujuk)
Ahmad Nordin bin Haji Maslan & Anor lwn Eng Ngak Hua & Ors [1985] 2 MLJ 431 (dirujuk)
Abraham Ho Ah Loke lwn William Manson-Hing [1949] 15 MLJ 37 (dirujuk)
Bracegirdle v Oxley [1949] 1 KB 349 (dirujuk)
Chan Loo Khee lwn Lai Siew San & Ors [1971] 1 MLJ 253 (dirujuk)
Chan Peng Fook lwn Kan Pak Lee [1974] 2 MLJ 197 (dirujuk)
Chan Yoke May lwn Lian Seng Co Ltd & Anor [1962] 28 MLJ 243 (dirujuk)
Chia Han Kiat v Rex [1937] MLJ 261 (dirujuk)
Choo Kok Beng lwn Choo Kok Hoe & Ors [1984] 2 MLJ 165 (dirujuk)
Chow Yee WAH & Anor lwn Choo Ah Pat [1978] 2 MLJ 41 (dirujuk)
Chu Choon Moi lwn Ngan Sew Tin [1986] 1 MLJ 34 (dirujuk)
Chung Hwa Ying lwn Phang Mun Mooi & Anor [1987] 2 MLJ 693 (dirujuk)
Coote v Stone [1971] WLR 279 (dirujuk)
Davies v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd [1942] AC 601 (dirujuk)
Development & Commercial Bank Bhd lwn Num Tjuan Sdn Bhd [1989] 1 MLJ 475 (dirujuk)
Edwards v Bairstow [1956] AC 14 (dirujuk)
Fardon v Harcourt-Rivington [1932] All ER 81 (dirujuk)
Flint v Lovel [1936] 1 KB 354 (dirujuk)
Gammeli v Wilson & Ors [1982] AC 27 (dirujuk)
(dirujuk)
Govinda Raju & Anor lwn Laws [1966] 1 MLJ 188 (dirujuk)
Gurcharan Kaur lwn Rochi Silk Store [1959] 25 MLJ 229 (dirujuk)
Guthrie Waugh Bhd lwn Malaiappan Muthuchumaru [1972] 2 MLJ 62 (dirujuk)
Hang Jong Juan lwn Tan Yeo Soon [1986] 2 MLJ 5 (dirujuk)
Jafri Bin Elias lwn Khor Tan Seah [1992] 2 CLJ 1016 (dirujuk)
Kelly v WRN Contracting Ltd & Anor [1968] 1 WLR 279 (dirujuk)
Kerry v Carter [1969] 1 WLR 1372 (dirujuk)
KR Taxi Service Ltd & Anor lwn Zaharah & Ors [1969] 1 MLJ 49 (dirujuk)
Lim Chai Oon & Anor lwn Normah Bte Ismail & Anor [1994] 3 MLJ 105 (dirujuk)
Lim Hye Chua lwn Lim See Kiat [1940] MLJ 199 (dirujuk)
Lim Kim Chet & Anor lwn Multar Bin Masngud [1984] 2 MLJ 165 (dirujuk)
MA Clyde lwn Wong Ah Mei & Anor [1970] 2 MLJ 183 (dirujuk)
Mat Shah Bin Mohamed & Anor lwn Foo Say Meng & Ors [1984] 1 MLJ 237 (dirujuk)
Montgomerie & Co Ltd v Wallace-James [1904] AC 73 (dirujuk)
Mulkh Raj Sharma lwn Shanti Sroop [1983] 2 MLJ 396 (dirujuk)
Muniandi a/l Periyan & Anor lwn Eric Chew Wai Keat & Anor [2003] 3 MLJ 527 (dirujuk)
Nan Thiam Siew lwn Chuang Wai Lan [1959] 25 MLJ 126 (dirujuk)
Neo Chan Eng lwn Koh Yong Hoe [1960] 26 MLJ 291 (dirujuk)
Ng Chui Sia lwn Maimon bt Ali [1983] 1 MLJ 110 (dirujuk)
Ong Cheng Wah & Anor lwn Supramanian Arjunan [2001] 4 CLJ 202 (dirujuk)

Rasidin bin Partojo lwn Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214 (dirujuk)
Renal Link (KL) Sdn Bhd lwn Dato' Dr Harnam Singh [1997] 2 MLJ 373 (dirujuk)
Rubaidah bte Dirin lwn Ahmad bin Ariffin [1997] 1 MLJ 677 (dirujuk)
Samar binte Mansor lwn Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 2 MLJ 71 (dirujuk)
Siti Aisha binti Ibrahim lwn Goh Cheng Hwai [1982] 2 MLJ 124 (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy lwn Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395 (dirujuk)
Sornaratnam & Anor lwn Ramalingam [1981] 1 MLJ 24 (dirujuk)
Tidy v Battman [1934] 1 KB 319 (dirujuk)
Tindok Besar Estate Sdn Bhd lwn Tinjar Co [1979] 2 MLJ 229 (dirujuk)
Wilson v Pilley [1957] 3 AII ER 525 (dirujuk)
Woon Ngee Yew & Ors lwn Ng Yoon Thai & Ors [1941] MLJ 37 (dirujuk)
Yahaya Bin Mohamad lwn Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117 (dirujuk)
Yap Ami & Anor lwn Tan Hui Pang [1982] 2 MLJ 316 (dirujuk)
Yew You & Anor lwn Mah Poay Koh & Anor (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk
Akta Keterangan 1950 s 103
Akta Undang-Undang Sivil 1956 ss 7(3), 12(4)
Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959 k 12

Suresh Hari Krishnan (Lim Him Wee & Co) bagi pihak perayu-perayu.
V Selvaratnam (Selva & Associates) bagi pihak responden-repsonden.

VT Singham H:

[1] Ini adalah satu rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen Ipoh yang diberikan pada 21 Ogos 2002 dalam satu kes tuntutan ganti rugi yang berpunca daripada satu kemalangan jalanraya di mana perayu kedua didapati 100% cuai dan seterusnya tuntutan plaintif-plaintif dibenarkan dengan kos. Dalam kes itu, plaintif-plaintif iaitu balu dan lima orang anak si mati pertama telah memfailkan satu tuntutan ganti rugi (lihat saman No 553–295 tahun 1997) ke atas kematian suami dan bapanya dalam satu kemalangan yang berlaku pada 21 Disember 1996 di antara m/traktor No AAE 1231 dan m/van No BBQ 951 yang dipandu oleh si mati pertama bersama seorang penumpang bernama V Kaniama.

[2] Maligah a/p K Patchee (umur 30 tahun) iaitu anak kepada penumpang (si mati kedua) juga telah memfailkan satu tuntutan sivil yang berasingan di mahkamah majistret Sitiawan (lihat saman No 73–24 tahun 1997) terhadap pemandu m/traktor tersebut untuk kesakitan (for pain and suffering) selama satu bulan, perbelanjaan pengkebumian, faedah dan kos di mana kedua-dua kes iaitu saman No 73–24 tahun 1997 dipindahkan ke mahkamah sesyen Ipoh dan telah disatukan dengan saman No 53–295 tahun 1997 di atas permohonan pada 14 Julai 1997 dan didengar bersama.

[3] Pemandu m/traktor tersebut yang didakwa dan dinamakan defendan dalam kedua-dua tuntutan di atas telah memfailkan prosiding pihak ketiga dalam kes saman No 73-24-1997 terhadap wakil peribadi Anthonysamy a/l Atputham-si mati iaitu pemandu m/van di mana wakil peribadi dinamakan sebagai pihak ketiga dalam

tuntutan tersebut supaya pemandu m/traktor dapat tuntut sumbangan dan tanggung rugi (indemnity) terhadap wakil peribadi si mati pertama tersebut.

[4] Rayuan ini adalah terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ke atas kedua-dua kes.

[5] Fakta kes adalah seperti berikut:

(1) Pada 21 Disember 1996 lebih kurang jam 3.00 petang m/van No BBQ 951 yang dipandu oleh Anthonysamy a/l Atputham (umur 45 tahun 10 bulan ketika itu) (sekarang si mati pertama) menuju dari arah Taiping menghala ke Pantai Remis. Dalam m/van tersebut ada seorang penumpang bernama V Kaniama (umur 60 tahun ketika itu) (sekarang si mati kedua).

(2) si mati pertama yang memandu m/van tersebut memotong dua buah kenderaan di hadapannya yang juga menuju ke arah Pantai Remis bergerak ke jalan bertentangan dan melanggar pada m/traktor tersebut yang terletak di sebelah kanan di mana bahagian kiri m/traktor berada di atas jalan dan sebahagian lagi di sebelah kanan berada di tepi bahu jalan (side table) menghala ke Pantai Remis di Kg Sg Tuntum, Pengkalan Baru, Pantai Remis.

(3) Dalam kemalangan tersebut, pemandu m/van telah meninggal dunia di tempat kejadian manakala penumpang V Kaniama meninggal dunia selepas satu bulan pada 21 Januari 1997 di Hospital Sg Bakap, Pulau Pinang. Penumpang tersebut pada mulanya dimasukkan ke Hospital Taiping pada 21 Disember 1996 tetapi di atas permintaan anaknya yang tinggal dekat Sg Bakap, penumpang (si mati kedua) tersebut telah dipindahkan ke Hospital Sg Bakap pada 18 Januari 1997 dan beliau meninggal dunia pada 21 Januari 1997.

(4) Dalam perbicaraan di mahkamah rendah, seorang saksi bebas iaitu pemandu m/bas No ABW 4412, Abd Samad bin Abu Hashim yang menjadi saksi bagi kes plaintif-plaintif memberi keterangan bahawa beliau memandu m/bas tersebut dari arah Pantai Remis menghala ke Taiping. Pada masa itu, beliau memandu m/bas dari arah bertentangan dengan m/van di mana beliau lihat m/van tersebut memotong dua buah kenderaan dalam keadaan laju menceroboh jalan beliau di mana pemandu m/bas tersebut terpaksa berhenti m/bas untuk memberi laluan kepada m/van dan pada masa itu beliau lihat m/van tersebut melanggar m/traktor tersebut yang diletak di tepi jalan, di mana bahagian kiri m/traktor berada di atas jalan dan sebahagian lagi di atas tepi bahu jalan. Sebaliknya keluarga si mati pertama menuduh dalam pernyataan tuntutan bahawa pemandu m/traktor tersebut adalah cuai kerana telah menghalang (obstruct) laluan si mati di mana keseluruhan m/traktor diletak di atas jalan.

[6] Selepas perbicaraan penuh didengar oleh empat orang hakim mahkamah sesyen yang berlainan yang telah mengambil alih kes ini dalam tempoh perbicaraan, hakim mahkamah sesyen yang keempat pada 21 Ogos 2002 mendapati pemandu m/traktor 100% cuai terhadap kemalangan tersebut di mana ia menyebabkan kematian dua orang tersebut dan mendapati si mati yang memandu m/van bebas daripada sebarang

liabiliti atau kecuaian. Seterusnya hakim mahkamah sesyen juga menolak tuntutan terhadap pihak ketiga yang difailkan oleh pemandu m/traktor terhadap wakil peribadi si mati pemandu m/van.

[7] Award yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen bagi ganti rugi kepada balu dan lima orang anak si mati pertama adalah seperti berikut:

(1) ganti rugi am bagi kehilangan (loss of dependency) RM1,378 sebulan untuk 4 tahun 5 bulan berjumlah RM74,412;

(2) ganti rugi bagi kehilangan (bereavement) RM10,000;

(3) ganti rugi khas sebanyak RM11,500 iaitu RM2,000 untuk kos pengkebumian dan RM9,500 sebagai kos membaiki m/van tersebut;

(4) faedah-faedah di atas kadar 8% setahun di atas ganti rugi am dari tarikh saman pada 28 Jun 1996 hingga tarikh penghakiman pada 21 Ogos 2002 dan pada kadar 4% ke atas perbelanjaan pengkebumian RM2,000 dari tarikh kemalangan pada 21 Disember 1996 sehingga tarikh penghakiman pada 21 Ogos 2002 dan selepas itu pada kadar 8% setahun ke atas penghakiman sehingga tarikh penyelesaian.

[8] Bagi tuntutan anak kepada si mati kedua yang telah meninggal dunia dalam kemalangan di saman No 73–24–1997, award yang diberi oleh hakim mahkamah sesyen adalah seperti berikut:

(1) Bagi ganti rugi am sebanyak RM6,800 untuk kesakitan (pain and suffering) dalam tempoh masa sebulan selepas si mati mengalami kecederaan sehingga kematian pada 21 Januari 1997.

(2) Perbelanjaan pengkebumian sebanyak RM2,000 dan faedah pada kadar 4% dari tarikh 21 Disember 1996 sehingga 21 Ogos 2002 iaitu tarikh saman dan seterusnya pada kadar 8% di atas award pengkebumian sehingga penyelesaian.

(3) Faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh saman pada 6 Mac 1997 sehingga tarikh penghakiman pada 21 Ogos 2002.

[9] Oleh kerana defendan-defendan tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen, satu rayuan telah difailkan di Mahkamah Tinggi Ipoh terhadap isu liabiliti dan award ganti rugi dan penolakkan saman pihak ketiga.

[10] Setelah meneliti dan membaca rekod rayuan dan hujahan-hujahan bertulis oleh kedua-dua pihak bersama autoriti-autoriti yang dikemukakan dan autoriti-autoriti lain dan mendengar hujahan-hujahan lanjutan keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut:

LIABILITI

[11] Dalam rayuan ini, perkara yang penting untuk dipertimbangkan oleh Mahkamah ini adalah sama ada hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tersilap di atas pendapat dari segi fakta atau undang-undang atau kedua-dua fakta dan undang-undang. (Rujuk kes *Samar Binte Mansor lwn Mustafa Kamarul Ariffin* [1974]

2 MLJ 71). Sekiranya mahkamah ini mendapati terdapat kesilapan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana adalah tugas mahkamah ini yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan untuk membetulkan kesilapan tersebut. Dalam kes *Chia Han Kiat v Rex* [1937] MLJ 261 (Terrell, Pemangku Hakim Besar) berkata:

> This is admittedly an appeal against findings of fact and I fully indorse the principle that an appellate court should but rarely interfere with the conclusions arrived at by the judge or magistrate who has had the advantage of hearing the witnesses and obtaining an impression of their veracity from their demeanour. But it is the duty of an Appellate Court to be Judge of fact as well as of law and it would be abrogating its functions if it made a hard and fast rule never to interfere with findings of fact and felt bound to support a judgment which on a review of all the evidence, it considered to be clearly wrong.

[12] Di atas pemerhatian yang dibuat dalam kes *Chia Han Kiat v Rex* adalah perlu untuk mahkamah ini meneliti (examine) keterangan-keterangan untuk memastikan sama ada pendapat oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana boleh dijustifikasikan dan dikekalkan (justified and be sustained).

[13] Mahkamah ini berpendapat bahawa pendapat (finding) hakim mahkamah sesyen yang bijaksana terhadap liabiliti di mana perayu kedua (pemandu m/traktor) didapati 100% bertanggungjawab di atas kemalangan adalah bertentangan dengan keterangan (against the weight of the evidence) yang dikemukakan dan tidak berasas dari segi undang-undang. Mahkamah ini juga berpuas hati bahawa pendapat hakim mahkamah sesyen bukanlah satu keadaan di mana keputusan dibuat berdasarkan mendengar dan menyaksikan kesemua saksi-saksi memberi keterangan di mana mahkamah ini yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan tidak ada peluang seperti mahkamah perbicaraan dan kebiasaannya tidak masuk campur terhadap keputusan tersebut. (rujuk kes (i) *Yahaya bin Mohamad lwn Chin Tuan Nam* [1975] 2 MLJ 117 (ii) *Siti Aisha Binti Ibrahim lwn Goh Cheng Hwai* [1982] 2 MLJ 124 di ms 126 dan (iii) *Renal Link (KL) Sdn Bhd lwn Dato' Dr Harnam Singh* [1997] 2 MLJ 373 di ms 379).

[14] Dalam rayuan ini, mahkamah ini mendapati bahawa perbicaraan didengar oleh empat hakim mahkamah sesyen yang berlainan dan bukan oleh hakim yang membuat keputusan, di mana hakim mahkamah sesyen pertama mendengar sebahagian keterangan seorang saksi (SP 1), hakim mahkamah sesyen kedua mendengar sebahagian lagi keterangan saksi pertama (SP 1) dan saksi kedua (SP 2), hakim mahkamah sesyen ketiga mendengar tiga orang saksi SP 3, SP 4 dan SP 5 dan hakim mahkamah sesyen keempat mendengar seorang saksi sahaja (SP 6) bagi plaintif dan seorang saksi bagi defendan (SD 1).

[15] Dalam rayuan ini, prinsip bahawa Mahkamah Rayuan harus berhati-hati dan tidak menggangu pendapat fakta mahkamah perbicaraan yang mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan tidak dipakai kerana keterangan saksi-saksi didengar oleh empat hakim mahkamah sesyen yang berlainan seperti yang dinyatakan di atas di mana hakim mahkamah sesyen yang memberi keputusan mendengar dan melihat hanya dua orang saksi yang memberi keterangan. (In the instant appeal, the legal principle that the appellate court should be slow to disturb the findings of fact of the trial court who had heard and seen the witnesses giving

evidence does not apply as the evidence given at the trial was heard by four different sessions court judges, the first sessions court judge heard part the evidence of one witness who had not completed his evidence, the second sessions court judge heard the other part of the evidence of the first witness and the second witness, the third sessions court judge heard three witnesses and the fourth sessions court judge who found the defendant 100% liable heard the last two witnesses.) (refer case (i) *Sornaratnam & Anor lwn Ramalingam* [1981] 1 MLJ 24 di ms 25, (ii) *Mulkh Raj Sharma lwn Shanti Sroop* [1983] 2 MLJ 396 di ms 399–400 dan (iii)*Mat Shah Bin Mohamed & Anor lwn Foo Say Meng & Ors* [1984] 1 MLJ 237 di ms 242-243).

[16] Prinsip undang-undang bahawa Mahkamah Rayuan seharusnya berhati-hati (be slow) untuk masuk campur di atas pendapat fakta oleh mahkamah perbicaraan di mana telah mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan tidak boleh diambil atau diterima sebagai 'stereotyped formula' kerana setiap rayuan adalah berdasarkan kepada fakta bersendirian dan individu atau misdirection atau non-direction oleh mahkamah perbicaraan dan meneliti di atas satu kes ke satu kes (on a case to case basis). (The legal principle that the appellate court should be slow to disturb the findings of fact of the trial court who had heard and seen the witnesses giving evidence should not be taken as 'stereotyped formula' as each appeal is based on its own individual facts, misdirection or non-direction by the trial court and must necessarily be determined only upon a case to case basis. The root of liability is negligence and what is negligence depends on the facts which the trial court must evaluate judiciously).

[17] Oleh itu, dan di atas keadaan dan fakta dalam rayuan ini, mahkamah ini yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan berhak untuk masuk campur terhadap pendapat hakim mahkamah sesyen keempat yang memberi keputusan, sekiranya mahkamah ini mendapati pendapat keputusan itu adalah bertentangan dengan berat keterangan atau 'fundamentally flawed' atau terdapat kesilapan dari segi undang-undang atau fakta (misdirection in law and in fact) dan tidak dapat dikekalkan di atas fakta-fakta kes. (Rujuk kes (i) *Kerry v Chet & Anor lwn Multar Bin Masngud* [1984] 2 MLJ 165 (v) *Sivalingam a/l Periasamy lwn Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 di ms 399 (vi) *Ong Cheng Wah & Anor lwn Supramaniam Arjunan* [2001] 4 CLJ 202 dan (vii) *Muniandi a/l Periyan & Anor lwn Eric Chew Wai Keat & Anor* [2003] 3 MLJ 527).

[18] Dalam rayuan ini, perkara yang perlu dipertimbangkan dan ditegaskan adalah bahawa jalan di mana kemalangan berlaku adalah satu jalan yang lurus, kemalangan berlaku pada siang hari iaitu pada jam lebih kurang 3.00 petang di mana tidak ada keterangan bahawa cuaca tidak baik atau sebarang halangan (obstruction) penglihatan pemandu m/van (si mati pertama) untuk lihat m/traktor dari jarak yang jauh. Sebenarnya, pemandu m/bas (SP 3) seorang saksi bagi plaintif yang merupakan seorang saksi bebas dengan jelas memberi keterangan bahawa pemandu m/van (si mati pertama) memotong dua kenderaan dihadapannya dan memandu dengan laju sehingga di mana SP 3 terpaksa berhenti m/basnya di tepi jalan untuk memberi laluan kepada m/van yang dipandu oleh si mati pertama kerana m/van tersebut telah menghala ke arah m/bas tersebut. Di sini adalah penting untuk ambil perhatian bahawa tidak ada keterangan daripada saksi bebas (SP 3) bahawa m/traktor tersebut

ada menghalang m/bas tersebut di mana andaian yang boleh dibuat adalah m/traktor tersebut tidak diletak di atas jalan keseluruhannya seperti yang dikatakan oleh SP 3.

[19] Mahkamah ini berpendapat bahawa punca utama (main cause) bagi kemalangan di rayuan ini adalah disebabkan pemanduan secara berbahaya oleh pemandu m/van (si mati pertama) dan kurang bertanggungjawab (lack of road sense and skill). (rujuk (i) s 25 Kanun Lebuhraya (Highway Code) dibaca bersama s 68(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987, (ii) *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188 di ms 190 (iii) *Ma Clyde lwn Wong Ah Mei & Anor* [1970] 2 MLJ 183 dan (iv) *Chan Peng Fook lwn Kan Pak Lee* [1974] 2 MLJ 197 di ms 197–198.

[20] Mahkamah ini berpendapat bahawa mana-mana pemandu yang memandu dengan tidak berhati-hati mewujudkan dan menghadapi situasi berbahaya dengan sendirinya seperti dalam rayuan ini tidak boleh menyalahkan sesiapa kecuali dirinya sendiri. Dalam kes ini pemandu m/van (si mati pertama) sepatutnya mencuba untuk serta merta memperlahankan kelajuan dan mengawal kenderaan sebaik sahaja beliau melihat m/traktor tersebut dan tidak mengambil satu risiko yang besar seperti yang dilakukan oleh pemandu m/van (si mati pertama) di mana beliau memotong dua buah kenderaan di hadapannya dalam keadaan laju di mana keadaan pada masa itu adalah tidak selamat dan ada kemungkinan beliau dapat melihat m/traktor yang diletakkan di sebelah kanan di tepi jalan sekiranya pemandu m/van (si mati pertama) memandu dalam keadaan berhati-hati dan cermat.

[21] Satu lagi perkara yang penting untuk dipertimbangkan terhadap liabiliti adalah keterangan SP 3 di mana beliau berkata bahawa m/bas yang dipandu oleh beliau dari arah Pantai Remis menghala ke arah Taiping telah berhenti dan memberi laluan kepada m/van di mana m/van yang dipandu oleh si mati pertama telah masuk dan menghalang laluan beliau pada masa m/van memotong dua buah kenderaan di hadapan m/van tersebut. Daripada keterangan SP 3, iaitu seorang saksi bebas dan saksi bagi kes plaintif dan setelah meneliti bersama dengan keterangan-keterangan lain termasuk keterangan senyap, andaian munasabah yang boleh dibangkitkan seperti dinyatakan terlebih dahulu dan diperhatikan oleh mahkamah ini adalah m/traktor diletak di tepi jalan, di mana sebahagian m/traktor di bahu jalan dan sebahagian di atas jalan dan bukan keseluruhan m/traktor di atas jalan seperti dihujah oleh peguam bagi responden-responden. Perkara ini adalah jelas kerana sekiranya keseluruhan m/traktor berada di atas jalan seperti dituduh oleh plaintif-plaintif di pernyataan tuntutan ia mungkin menghalang m/bas dan sekiranya m/traktor ada menghalang m/bas, SP 3 mungkin akan berkata sedemikian dan tidak mungkin beliau berhenti untuk memberi laluan kepada m/van tersebut. *(This is a clear case where the deceased overtook two vehicles at a fast speed when it was not save to do so, encroached onto the wrong side of the road and collided into a stationary m/tractor which was parked on the side of the road on a bright day and on a straight stretch of road where there was no obstruction to his visibility. In fact, the evidence of the driver of the m/bus, an independent eye witness who testified for the plaintiffs had also placed the blame on the deceased-driver).*

[22] Sebaliknya dan sekiranya m/traktor telah diletak keseluruhan di atas jalan seperti dihujah oleh peguam bagi responden-responden, risiko yang diambil atau

diwujudkan oleh pemandu m/van (si mati pertama) adalah satu keadaan yang berbahaya. Seterusnya seorang pemandu yang munasabah di posisi pemandu m/van (si mati pertama) tidak akan mengambil risiko yang besar seperti dilakukan oleh beliau dengan memotong dua buah kenderaan sekali gus (at a stretch) di mana dan sekiranya terdapat m/traktor di atas jalan atau laluannya dan tidak mungkin berjaya dilepasi tanpa menyebabkan satu perlanggaran dan ini boleh dikatakan satu kecuaian. Di atas keterangan yang direkodkan di rekod rayuan, didapati pemandu m/van (si mati pertama) telah memandu dalam keadaan laju dan tidak berhati-hati dan gagal mengambilkira keselamatan penumpang dalam m/van tersebut dan gagal memberi perhatian (inattentive) kepada keadaan dan kenderaan lain di jalan raya pada masa beliau memotong kedua-dua kenderaan di hadapannya. Dalam kemalangan ini, perkara yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan oleh mahkamah ini adalah kes ini bukan satu keadaan di mana pemandu m/van (si mati pertama) dikejutkan dengan satu kecemasan yang tiba-tiba atau satu kecemasan yang disebabkan oleh pihak-pihak lain iaitu pemandu m/traktor tetapi suatu kecemasan tiba-tiba ditimbulkan dan disebabkan oleh pemandu m/van (si mati) itu sendiri. (rujuk kes *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188 di ms 190).

[23] Mahkamah ini juga telah mengambil kira dan harus dibezakan satu situasi di mana kemalangan berlaku dalam keadaan di mana kenderaan diletak tanpa lampu (unlighted) pada waktu malam di atas jalan raya yang tidak ada lampu jalan (street lights) dan gelap atau penglihatan (visibility) tidak jelas atau cerah dari arah bertentangan dari jarak yang jauh dengan satu situasi yang lain di mana kenderaan diletakkan di tepi jalan pada waktu siang, cuaca cerah dan tidak ada sebarang halangan bagi penglihatan atau pandangan (visibility) pada pemandu kenderaan yang datang dari arah bertentangan serta jalannya lurus dan sama rata seperti dalam kes di hadapan mahkamah ini.

[24] Dalam rayuan ini, jalan di tempat kemalangan adalah lurus, tidak ada sebarang halangan kelihatan atau pandangan (visibility) dari arah bertentangan, waktu kemalangan adalah pada hari siang jam 3.00 petang, m/traktor diletak di tepi bahu jalan yang boleh dilihat dari jarak yang jauh tetapi pemandu m/van (si mati pertama) masih memotong dua buah kenderaan di hadapannya masuk ke sebelah kanan jalannya, sehingga menceroboh laluan m/bas yang dipandu oleh SP 3 yang datang dari bertentangan sehingga melanggar m/traktor yang diletak di tepi bahu jalan walaupun sebahagiannya diletak di atas jalan dan sebahagian di bahu jalan. (The risk created by the deceased-driver of the m/van and the manner in which he drove the m/van is so obvious and serious that no reasonable driver who was in the position of the deceased-driver would take such a risk of overtaking two vehicles at a stretch where there was the m/tractor parked on the right side of the m/van and where at the same time it may not be possible to pass through without colliding into the m/tractor and when at the same time, the m/bus driven by PW 3 was approaching from the opposite direction and this act on the part of the deceased-driver can also be considered as reckless driving).

[25] Fakta-fakta kes bagaimana kemalangan berlaku dalam kes-kes yang dirujuk oleh kedua-dua pihak boleh dan harus dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta kes dalam rayuan ini seperti dilihat di rekod rayuan dan tidak semestinya mengikat

mahkamah ini. Dalam kes *Ahmad Nordin bin Haji Maslan & Anor lwn Eng Ngak Hua & Ors* [1985] 2 MLJ 431 di ms 434 di mana YA Syed Agil Barakbah HMA berkata:

> It is not appropriate in our view to use on reported cases as guidelines since there is no fixed formula on which apportionment can be worked on. All depends on the discretion of the trial judge and has to be considered in the light of the facts and circumstances of a particular case. It is therefore a question of fact.

[26] Dalam kes *Woon Ngee Yew & Ors lwn Ng Yoon Thai & Ors* [1941] MLJ 37, McElwaine CJ (SS) yang memberi keputusan majoriti bagi Mahkamah Rayuan berkata di ms 43:

> *An appellate court should be very loath to differ on a finding of fact by a court which has seen and heard the witnesses but if the learned Judge can be shewn to have misdirected himself on the evidence, or to have rejected evidence for a wrong reason or to have drawn an inference from evidence which was equally capable of supporting a different inference it may be the duty of an appellate court to interfere.*

[27] Dalam rayuan ini, mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen keempat bukan sahaja tersilap di atas pendapat beliau tetapi alasan yang diberi oleh beliau juga tidak memuaskan dan tidak berasas dari segi undang-undang di mana perayu kedua telah didapati 100% bertanggungjawab (rujuk kes *Lim Hye Chua lwn Lim See Kiat* [1940] MLJ 199 dan *Abraham Ho Ah Loke lwn William Manson-Hing* [1949] MLJ 37 di ms 42).

[28] Mahkamah ini berpendapat bahawa ini adalah satu kes di mana pemandu m/van (si mati pertama) mengambil risiko yang amat besar apabila beliau memotong dua buah kenderaan di hadapannya di mana keadaan adalah tidak selamat dan mungkin menghalang penglihatan pemandu m/van (si mati pertama) terhadap kenderaan yang datang atau diletakkan di arah bertentangan dan sekiranya pemandu m/van (si mati) memandu secara berhati-hati ia boleh melihat m/traktor dari jarak yang jauh di mana telah diletakkan di tepi jalan di arah bertentangan tetapi pemandu m/van (si mati pertama) masih memotong dua buah kenderaan tersebut dalam keadaan laju dan melanggar m/traktor yang terletak di sebelah kanan di tepi jalan pada waktu siang hari. Mahkamah ini mendapati bahawa perayu kedua yang meletak m/traktor di tepi jalan di sebelah kanan tidak semestinya melakukan kecuaian (not negligent per se) yang boleh diterima semata-mata sebagai satu kecuaian tanpa meneliti keterangan keseluruhan melainkan mungkin terdapat satu kemungkiran (breach) di bawah k 12 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas 1959, (Road Traffic Rules 1959 LN 166/1959) di mana setiap kes dipertimbangkan di atas fakta dan keadaan kes individu (rujuk kes (i) *Tidy v Battman* [1934] 1 KB 319 di ms 322, (ii) *Kelly v WRN Contracting Ltd & Anor* [1968] 1 WLR 279 (iii) *Chan Loo Khee lwn Lai Siew San & Ors* [1971] 1 MLJ 253 di ms 254 dan (iv) *Coote v Stone* [1971] WLR 279).

[29] Dalam kes *Fardon v Harcourt-Rivington* [1932] All ER 81 di ms 83, Lord Dunedin berkata:

> The root of this liability is negligence and what is negligence depends on the facts with which you have to deal. If the possibility of the danger emerging is reasonably apparent then to take no precautions is negligece but if the possibility of danger emerging is only a mere possibility which would never occur to the mind of a reasonable man then there is no negligence in not having taken extraordinary precautions.

Lord Macmillan said:

> Members of the public motor owners, and pedestrians alike, in their use of the highway, owe to each other a duty to take care that they do not injure each other. The mere circumstance of being on a highway brings them into a relationship with each other from which relationship arises the duty to have regard for each other's safety. In each case the question is whether there is any evidence of such carelessness in fact as amounts to negligence in law – that is to breach of the duty to take care. To fulfil the duty the user of the road is not bound to quard against every conceivable eventuality but only against such eventualities as a reasonable man ought to forsee as being within the ordinary range of human experience. (rujuk kes *KR Taxi Service Ltd & Anor lwn Zaharah & Ors* [1969] 1 MLJ 49).

[30] Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen gagal mengambil kira banyak perkara di atas keterangan yang dikemukakan dan gagal membuat andaian (inferences) sepatutnya di mana adalah jelas didapati bertentangan (unfavourable) di atas fakta-fakta kes responden-responden.

[31] There should be no place for personal sentiments or sympathy in a claim for damages in a negligence suit which if entertained would cloud judicial vision and reasoning in determining the issue of liability. If the deceased-driver of the m/van involved in the accident is found to be the sole or substantial author of his own misfortune, the sessions court judge must be prepared and readily say so in his findings and not deviate from the evidence and abrogate his or her judicial function and find in favour of the deceased's family where it is glaringly against the weight of evidence. Such finding invites or imports criticism on appeal and in the instant appeal it was rightfully attacked on the facts and point of law. (rujuk kes (i) *Montgomerie & Co Ltd v Wallace-James* [1904] AC 73 di ms 76, (ii) *Bracegirdle v Oxley* [1947] 1 KB 349 di ms 358, (iii) *Edwards v Bairstow* [1956] AC 14 di ms 36 dan (iv) *Gurcharan Kaur lwn Rochi Silk Store* [1959] 25 MLJ 229 di ms 231–232.

[32] Mahkamah ini berpuas hati bahawa pendapat oleh hakim mahkamah sesyen terhadap liabiliti adalah salah (plainly wrong) dan sekiranya terdapat sebarang peluang atau kesempatan untuk beliau melihat dan mendengar dua orang saksi-saksi tidak mencukupi untuk menjelaskan pendapatnya (his conclusion). (Lihat kes *Chow Yee Wah & Anor lwn Choo Ah Pat* [1978] 2 MLJ 41 di ms 43).

[33] Pada keseluruhan fakta-fakta termasuk keterangan pegawai penyiasat (SP 1) dalam rayuan ini mengenai kerosakan kepada kedua-dua kenderaan yang terlibat, keterangan saksi bebas (SP 3), keterangan senyap yang dikemukakan di perbicaraan dan keterangan perayu kedua (DW 1), Mahkamah ini berpendapat bahawa pendapat Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana yang mendapati perayu kedua iaitu pemandu m/traktor 100% bertanggungjawab tidak dapat dikekalkan di atas fakta

atau dari segi undang-undang. (rujuk kes *Chung Hwa Ying lwn Phang Mun Mooi & Anor* [1987] 2 MLJ 693 di mana YA Syed Agil Barakbah bagi Mahkamah Agong berkata di ms 694:

> In normal cases, the appellate court is reluctant to intefere with the judge's conclusion on the facts because as a trial judge he has the opportunity to see and hear the witnesses and is in a better position to weigh their evidence. In the present appeal, however, he has failed to make proper use of this opportunity and has come to a wrong conclusion on the facts which in the circumstances necessitate this court to interfere and prevent a miscarriage of justice.

[34] Soalan yang timbul dalam kes ini adalah sekiranya pemandu m/van (si mati pertama) tidak memotong dua buah kenderaan dihadapannya tetapi mengikut kedua buah kenderaan tersebut di jalan besar sehingga mendapati laluan yang selamat untuk memotong dua buah kenderaan tersebut, sama ada kemalangan masih berlaku sehingga m/van yang dipandu oleh si mati pertama melanggar m/traktor tersebut. Mahkamah ini berpendapat kemalangan ini tidak mungkin berlaku sekiranya pemandu m/van (si mati pertama) tidak mengambil risiko yang besar seperti dinyatakan di atas. Dalam kes kecuaian, harus diingatkan bahawa beban buktian adalah terletak pada pnuntut (caimant) iaitu responden-responden dalam rayuan ini dan buktian ini dibuat di tahap imbangan kebarangkalian dan perayu-perayu/defendan-defendan tidak mempunyai tugas atau beban untuk membuktikan sebaliknya (rujuk s 103 Akta Keterangan 1950).

[35] Di sini perlu ditegaskan bahawa adalah tugas responden-responden untuk membuktikan kecuaian terhadap perayu kedua di atas tahap imbangan kebarangkalian dan bukan tugas perayu untuk membuktikan bahawa beliau tidak cuai. (rujuk kes (i) *Neo Chan Eng lwn Koh Yong Hoe* [1960] 26 MLJ 291 di ms 292, (ii) *Yew You & Anor lwn Mah Poay Koh & Anor* [1970] 1 MLJ 57 di ms 59, (iii) *Ng Chui Sia lwn Maimon bte Ali* [1983] 1 MLJ 110, dan (iv) *Muniyandi a/l Periyan & Anor lwn Eric Chew Wai Keat & Anor* [2003] 3 MLJ 527).

[36] The findings of the learned sessions court judge that the driver of the m/tractor is 100% liable is fundamentally flawed cannot be sustained and has to be corrected by this court. This court in its appellate capacity is not only entitled but obliged to interfere with the decision if there is glaring misdirection or contain material flaws as in the instant appeal.

[37] Mahkamah ini juga berpendapat bahawa tidak ada sebarang percanggahan yang material di antara butir-butir kecuaian terhadap pemandu m/van (si mati pertama) yang diplid di pernyataan pembelaan dengan keterangan perayu kedua sehingga responden-responden telah dikejutkan atau diprejudiskan di atas keterangan perayu kedua di mahkamah terhadap kes responden-responden mengenai perletakan m/traktor di tepi jalan di sebelah kanan. Ini adalah satu kes yang jelas menunjukkan dan mahkamah ini ingin menegaskan bahawa pemandu m/van (si mati pertama) mengambil satu risiko besar untuk memotong dengan laju dua buah kenderaan di hadapan dan dalam masa yang sama bergerak dan menceroboh ke sebelah kanan di mana satu keadaan berbahaya ditimbulkan oleh pemandu m/van (si mati pertama) sendiri sehingga melanggar m/traktor yang terletak di sebelah kanan.

[38] Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tidak membuat penemuan atas fakta-fakta dan keterangan penting yang dikemukakan di hadapan mahkamah dengan sewajarnya dan gagal menimbang keterangan-keterangannya dengan mencukupi dan secara kehakiman. Keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tidak dibuat berdasarkan keterangan-keterangan atau di atas kehakiman yang dihargai (no judicial appreciation) tetapi semata-mata atas spekulasi dan tanpa apa-apa asas dari segi undang-undang atau fakta. (rujuk kes (i) *Guthrie Waugh Bhd lwn Malaiappan Muthuchumaru* [1972] 2 MLJ 62 di ms 67, (ii) *Chu Choon Moi lwn Ngan Sew Tin* [1986] 1 MLJ 34 di ms 38 dan (iii)*Development & Commercial Bank Bhd lwn Num Tjuan Sdn Bhd* [1989] 1 MLJ 475 di ms 476–477). (Judicial reception of evidence requires that the oral evidence be critically tested against the whole of the other evidence and the circumstances of the case), (per Chang Min Tat FJ dalam kes *Tindok Besar Estate Sdn Bhd lwn Tinjar Co* [1979] 2 MLJ 229 di ms 234).

[39] Oleh itu, mahkamah ini yang mendengar rayuan ini yang juga adalah satu perbicaraan semula (rehearing) dan setelah membaca dan meneliti nota-nota keterangan yang dicatat oleh empat orang hakim mahkamah sesyen, mendapati pemandu m/van (si mati pertama) sepatutnya didapati cuai sepenuhnya dan bertanggungjawab di atas kemalangan tersebut. Keputusan mahkamah ini adalah berdasarkan kepada keterangan-keterangan lisan yang dicatat bersama dengan dokumen-dokumen dan keterangan senyap (silent evidence). Mahkamah ini atau mahkamah perbicaraan tidak boleh memberi sebarang keputusan berdasarkan perasaan simpati kepada keluarga pemandu m/van (si mati pertama) yang membuat tuntutan ini dalam tuntutan kecuaian atau mengambil kira bahawa penghakiman akan dibayar atau ditanggung oleh pihak insuran tetapi berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh seorang penuntut (claimant) dan boleh diterima dari segi undang-undang pada tahap imbangan kebarangkalian. (*The trial court in the instant case cannot be swayed by moral philosophy notwithstanding the insurers are liable in law to satisfy the judgment sum in cases where there is in force a policy of insurance to cover third party risks. As liability is a live issue which has to be determined by the courts, the sessions court judge must critically examine and evaluate the evidence produced in court and make a finding judiciously without allowing moral philosophy to creep into its mind where determining as to whether the plaintiff has established negligence against the defendant on a balance of probabilities. If the evidence produced at the trial court shows that the plaintiff or a deceased-driver was wholly or substantially responsible for the accident, the trial court must be prepared to dismiss the claim or apportion liability accordingly and not be swayed by moral philosophy or other extraneous considerations which are not recognised in law and place the entire blame on the defendant*).

[40] Dalam kes *Jafri Bin Elias lwn Khor Tang Seah* [1992] 2 CLJ 1016 YA KC Vohrah (pada masa itu) di ms 1019 berkata:

> In my view it was unjustified for the judge to put liability at all on the defendant when the plaintiff had not discharged the onus of proof on him on balance of probabilities that the accident was caused by negligence of the defendant either wholly or partially and I therefore allowed the appeal of the defendant with costs.

[41] Walaupun penghakiman terhadap perayu kedua mungkin dibayar atau ditanggung oleh Syarikat Insuran m/traktor tersebut di mana sekiranya terdapat polisi insuran motor yang telah dikeluarkan untuk melindungi sebarang risiko pihak ketiga, keputusan mahkamah perbicaraan sepatutnya dan harus dibuat berdasarkan kepada keterangan dan bukan di atas prinsip moral (moral philosophy) di mana ia mungkin akan mengelabukan kehakiman-kehakiman dan alasan-alasan kehakiman kerana isu liabiliti masih wujud dan harus diputuskan oleh mahkamah secara kehakiman. (*The fact that the insurers are liable in law to satisfy the judgment sum in cases where there is in force a policy of insurance to cover third party risks should never be a significant consideration and is irrelevant in the determination of liability or on the assessment of damages. Moral philosophy has no relevance to liability at law for negligence and it runs counter to well-established and wholly acceptable law and cannot be extended beyond what that liability has hitherto been held to be*).

[42] Walau bagaimanapun dan oleh kerana m/traktor tersebut tidak diletak keseluruhan di bahu jalan tetapi sebahagian bahu jalan dan sebahagian di atas jalan seperti didapati daripada keterangan SP 3 dan di atas fakta-fakta kes ini, mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk membahagi liabiliti di antara perayu kedua dan pemandu m/van (si mati pertama) tersebut. (*The driver of the m/tractor is held to be 25% liable as there is a breach of the Road Traffic Rules 1959*. r 12 of the Road Traffic Rules 1959 states:

> No driver or person in charge of a vehicle shall cause of allow such vehicle to remain stationary on any road in such a position or such a condition or in such circumstances as to cause or be likely to cause danger, obstruction or undue inconvenience to other road users of the road, whether or not driver is in attendance.

[43] Mahkamah ini membahagi liabiliti 75% terhadap pemandu m/van (si mati pertama) dan 25% terhadap perayu kedua dan perayu kedua bertanggungjawab terhadap ganti rugi berdasarkan kepada 25% liabiliti untuk kedua-dua kes. (rujuk kepada s 12(4) Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan kes *Rubaidah bte Dirin (suing as widow of Basia Bin Bahari, deceased, on behalf of herself and the dependants of the deceased) lwn Ahmad bin Ariffin* [1997] 1 MLJ 677 di ms 687). (Therefore, the finding of 100% liability against the defendant driver of the m/tractor is set aside as it is against the weight of evidence and contain material flaws and is substituted by apportioning liability being 75% contributory negligence against the deceased driver and 25% negligence against the driver of the m/tractor).

GANTI RUGI

[44] Tanggungan si mati pertama (dependants of deceased) berhak hanya untuk kerugian wang (pecuniary damages) seperti yang diperuntukkan di bawah s 7(3) Akta Sivil 1956 (selepas ini dirujuk sebagai Akta tersebut) dan tidak lebih atau mendapat keuntungan. Soalan berapakah tuntutan tanggungan bukan satu isu undang-undang tetapi satu isu fakta dan budibicara dan ini sepatutnya diputuskan berdasarkan keterangan yang kukuh dan bukan di atas perasaan kasihan. (There is no place for personal sentiments or sympathy in a negligence suit for damages which if entertained would cloud judicial vision and reasoning in determining the issue of

liability and the amount of damages). Dalam menetapkan atau mentaksirkan ganti rugi kepada tanggungan di bawah s 7(3) Akta tersebut, perkara yang penting adalah mahkamah tidak boleh mengambil kira perkara-perkara seperti yang diperuntukan di bawah s 7(3)(i) Akta tersebut iaitu:

> Ganti rugi yang kena dibayar oleh pihak di bawah subseksyen (1) kepada pihak bagi siapa dan untuk faedahnya tindakan diambil hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, akan menjadi pampasan kepada pihak bagi siapa dan untuk faedahnya tindakan diambil bagi apa-apa kehilangan tempat bergantung ditanggung bersama dengan apa-apa perbelanjaan yang munasabah tertanggung akibat tindakan salah, abai atau ingkar pihak yang bertanggungan di bawah subseksyen (1):
>
> Dengan syarat bahawa:
>
> (i) dalam menilai ganti rugi, hendaklah tidak diambil kira
>
> (a) apa-apa jumlah yang telah dibayar atau kena dibayar di atas kematian si mati di bawah mana-mana kontrak insuran sama ada dibuat sebelum atau selepas berkuatkuasanya Akta ini;
>
> (b) apa-apa jumlah yang kena dibayar akibat kematian tersebut, di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan kumpulan wang simpanan pekerja;
>
> (c) apa-apa pencen atau gratuiti yang telah atau akan atau mungkin dibayar berikutan dengan kematian itu; atau
>
> (d) apa-apa jumlah yang telah atau akan atau mungkin dibayar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pembayaran tentang apa-apa pun faedah atau pampasan, berkaitan dengan kematian itu;

[45] Dalam rayuan ini, sumbangan yang diberi oleh si mati pertama kepada responden-responden masih diterima dari hasil perniagaan si mati pertama seperti yang disumbang oleh si mati pertama sebelum kematian si mati pertama dan digunapakai untuk tanggungan si mati pertama di mana pendapatan yang diterima sekarang bukan di atas pekerjaan atau perkhidmatan isteri ke atas perniagaan tersebut. Pendapatan tersebut sekarang boleh diambil kira dan tidak dihalang di bawah peruntukan s 7(3)(i) Akta tersebut untuk taksiran kerugian tanggungan. (rujuk kes *Yap Ami & Anor lwn Tan Hui Pang* [1982] 2 MLJ 316).

[46] Dalam kes *Gammeli v Wilson & Ors* [1982] AC 27 di ms 78, Lord Scarman di ms 78 berkata:

> It must be shown on the facts found, to be at least capable of being estimated. If sufficient facts are established to enable the court to avoid the fancies of speculation, even though not enabling it to reach mathematical certainity, the court must make the best estimate it can. In civil litigation it is the balance of probabilities which matters.

[47] Dalam keadaan tersebut di atas, mahkamah ini boleh dalam rayuan ini mengambil kira pendapatan yang diterima oleh responden-responden selepas kematian si mati pertama atau tanggungan daripada perniagaan gunting rambut yang dijalankan oleh si mati pertama sebelum kematian si mati pertama. Kes yang dirujuk *Lim Chai Oon & Anor lwn Normah bte Ismail & Anor* [1994] 3 MLJ 105 oleh

peguam bagi responden-responden boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta kes di hadapan mahkamah ini di mana didalam kes *Lim Chai Oon & Anor* isteri si mati terpaksa bekerja di ladang untuk mendapat hasil manakala dalam kes di hadapan mahkamah ini isteri si mati pertama tidak bekerja di perniagaan gunting rambut si mati pertama. Bagaimanapun keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan di mahkamah sesyen dalam rayuan ini dan keterangan yang diperolehi (elicited) melalui pemeriksaan balas daripada SP5 tidak berapa jelas di mana membuktikan kehilangan tanggungan adalah tugas plaintif. Dengan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa pendapatan yang diterima oleh SP5 selepas kematian si mati pertama tidak memberi gambaran yang jelas, sama ada pendapatan yang diterima sekarang oleh tanggungan adalah lebih atau kurang atau sama daripada apa yang disumbang oleh si mati pertama sebelumnya, mahu pun terdapat keterangan secara am bahawa isteri ada terima pendapatan daripada perniagaan tersebut.

[48] Mahkamah ini juga mendapati bahawa responden-responden gagal untuk membuktikan di atas imbangan kebarangkalian bahawa si mati pertama telah memberi kepada balunya (SP 5) RM100 sehari di mana terdapat juga jurang di atas keterangan (gaps in evidence) dan sebahagian keterangan ada kekaburan atau ketakjelasan (vague). Oleh itu, ganti rugi sebanyak RM1,378 sebulan seperti diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen tidak boleh dikekalkan dan di mana hakim mahkamah sesyen telah membuat satu kesilapan dari segi fakta dan undang-undang (misdirected himself in law and on facts) dan semata-mata terima pakai hujah-hujah oleh peguam tanpa merujuk atau meneliti keterangan yang dikemukakan secara kehakiman. (It must be made clear that there cannot be any sentimental damages and any damages awarded to the family of the deceased must be based on the materials before the court and not award profit or more than the amount they had received prior to the deceased's death).

[49] Di atas keseluruhan keterangan untuk ganti rugi bagi tanggungan dan setelah mengambil kira kurang cabaran (lack of adequate challenge) oleh pembelaan semasa pemeriksaan balas di mana SP 5 telah menjawab bahawa beliau tidak bersetuju bahawa tiada kerugian dialami sekarang daripada apa yang diperolehi sekarang berbanding dengan ketika mendiang masih hidup, mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya terdapat satu ketidakadilan (injustice) telah berlaku dalam perbicaraan terhadap award ganti rugi, mahkamah ini sepatutnya membetulkan keputusan itu. (rujuk kes *Flint v Lovel* [1936] 1 KB 354 di ms 359–360).

[50] Sebarang ganti rugi yang diawardkan tidak boleh dibuat berdasarkan kepada perasaan sentimen atau perasaan kasihan kepada keluarga si mati dan award bagi ganti rugi hanya boleh dibuat untuk kerugian yang sebenarnya (actual loss) di mana keluarga (dependants) si mati pertama telah sebenarnya dinafikan (deprived) dan bukan di atas andaian kepada kerugian (on presumption of such loss). (*It must be made clear that there cannot be any sentimental damages and any damages awarded to the family of the deceased must be based on the materials before the court and not award profit or more than the amount they had received prior to the deceased's death*).

[51] Dalam kes *Chan Yoke May lwn Lian Seng Co Ltd & Anor* [1962] 28 MLJ 24 3, isteri kepada si mati menyatakan si mati memberi sebanyak RM450 sebulan

kepada beliau di mana pendapatan si mati adalah RM574 sebulan. Mahkamah Tinggi membenarkan hanya sebanyak RM350 berdasarkan kepada pendapatan si mati.

[52] Amaun yang digunapakai dan diterima untuk manfaat kepada tanggungan si mati pertama dari perniagaan gunting rambut yang telah dijalankan oleh si mati pertama adalah sepatutnya diputuskan dan diambil kira oleh mahkamah perbicaraan dan ini adalah satu perkara taksiran (assessment) dan bukan semata-mata kiraan (calculation) dan mahkamah perbicaraan tidak boleh membuat sebarang spekulasi semata-mata. (As for the loss of dependency to the widow and the five children, the learned sessions court judge awarded damages being RM1,378 per month for four years five months totalling to RM74,412 as loss of dependency based on the bare submissions of counsels without proper judicial evaluation of the evidence produced at the trial. The learned sessions court judge had also failed to take into account in the assessment of loss of dependency that the deceased's business was still continuing to produce income and the widow and the children were receiving income from the business). (rujuk kes (i) *Nan Thiam Siew lwn Chuang Wai Lan* [1959] 25 MLJ 126 dan (ii) *Abdul Malek Bin Hassan lwn Mohammad Hihwan Bin Mastuki & Anor* [1987] 1 MLJ 489).

[53] Mahkamah ini berpendapat bahawa taksiran ganti rugi bagi tanggungan yang diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah berdasarkan kepada amaun kiraan yang salah (incorrect amount) di mana adalah satu misdirection di mana beliau menerima semata-mata cadangan peguam-peguam yang dibuat dalam penghujahan tanpa sebarang fikiran kehakiman (without any judicial mind) dan ini telah menyebabkan satu kesilapan di atas fakta dan undang-undang (misdirection in law and on facts). (Findings on damages cannot be arrived by merely accepting submissions of counsels. In the instant case, the learned sessions court judge had misdirected himself when he failed to critically examine and evaluate the evidence judiciously but instead just relied on submissions where he awarded the sum of RM1,378 per month as loss of support for 4 years and 5 months totalling to RM74,412 when the deceased's average net profit from his hair dressing saloon business (Barber) was only in the region of RM700 per month. (The widow claimed the deceased gave her RM100 per day totalling to RM3,000 per month). Oleh itu, mahkamah ini terpaksa masuk campur terhadap gantirugi yang diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen.

[54] Dalam kes *Davies v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1942] AC 601 Lord Wright di ms 616 berkata:

> An appellate court is always reluctant to interfere with a finding of the trial judge on any question of fact but it is particularly reluctant to interfere with a finding on damages which differs from an ordinary finding of fact that is generally much more a matter of speculation and estimate. No doubt, this statement is true in respect of some cases than of others. The damages in some cases may be objective and depend on definite facts and established rules of laws, as, for instance, in general damages for breach of contract for the sale of goods. In these cases the finding of fact, and can equally be reviewed if there is error in law or in fact. At the other end of the scale would come damages for pain and suffering or wrongs

A such as slander. These latter cases are almost entirely matter of impression and of common sense, and are only subject to review in every special cases.

Where, however, the award is that of the judge alone, the appeal is by way of rehearing on damages as on all other issues but as there is generally so much room for individual choice so that the assessment of damages is more like an exercise of discretion than an ordinary act
B of decision, the appellate court is particularly slow to reverse the trial judge on a question of the amount of damages. It is difficult to lay down any precise rule which will cover all cases, but a good general quide is given by Green LJ in *Flint v Lovell* (1942 AC) In effect, the court, before it interferes with an award of damages, should be satisfied that the judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered. It is not enough that
C there is a balance of opinion or preference. The scale must go down heavily against the figure attached if the appellate court is to interfere. Whether on the ground of excess or insufficiency. There is no question here of what may be called sentimental damage, bereavement or pain and suffering. It is a hard matter of pounds, shillings and pence subject to the element of reasonable future probabilities. The starting point is the amount of wages which the deceased was earning, the ascertainment of which to some extent may depend on
D the regularity of his employment. Then there is an estimate of how much was required or expended for his personal and living expenses. The balance will given a datum or basic figure which will generally be turned into a lump sum by taking a certain number of years 'purchase'. (See *Wilson v Pilley* [1957] 3 All ER 525, *Hang Jong Juan lwn Tan Yeo Soon* [1986] 2 MLJ 55).

E

[55] Dengan itu, rayuan oleh perayu-perayu terhadap liabiliti dibenarkan dan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana di mana perayu kedua didapati 100% bertanggungjawab terhadap kemalangan diketepikan dan digantikan di mana perayu kedua didapati 25% bertanggungjawab dan pemandu m/van (si mati pertama) bertanggungjawab serta kecuaian 75% terhadap kemalangan.

F

[56] Seterusnya rayuan terhadap ganti rugi juga dibenarkan di mana award sebanyak RM1,378 sebulan bagi kehilangan tanggungan diketepikan dan diubah kepada RM600 sebulan untuk empat tahun lima bulan dan berjumlah RM31,800. Rayuan terhadap penolakan tuntutan pihak ketiga terhadap wakil peribadi
G Anthonysamy a/l Atputham dibenarkan di mana pihak ketiga bertanggungjawab 75% dan perayu kedua bertanggungjawab 25% kepada tuntutan responden-responden di saman No 53–295 tahun 1997 dan bagi tuntutan anak kepada penumpang si mati kedua di saman No 73–24 tahun 1997.

H **[57]** Kos untuk rayuan ini dipersetujui sebanyak RM3,000 dan dibayar kepada peguamcara perayu-perayu. Deposit rayuan diperintahkan untuk dikembalikan kepada peguamcara perayu-perayu.

Kos rayuan sebanyak RM3,000 dibenarkan dan deposit rayuan dikembalikan.

I

Reported by Peter Ling